

BERITA HARIAN

DATE: 16/10/2008

Muhyiddin nafi Dr Mahathir jadi perancang kepemimpinan baru

BH- 16/10/2008

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan dakwaan bahawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, akan menjadi 'perancang' di sebalik kepemimpinan baru negara yang bakal diketuai Datuk Seri Najib Razak selepas proses peralihan kuasa pada Mac ini.

"Jangan keliru hanya kerana kami dilihat bersama atau membuat majlis tertentu secara bersama. Ia tidak bermakna ada perkembangan besar di sebaliknya," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Perdagangan

dan Pelaburan Antara Malaysia-Indonesia (JTIC) di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau ditanya tanggapan sesetengah pihak pentadbiran baru yang akan diketuai Najib pada Mac depan, akan bermakna kemasukan semula era kepemimpinan Perdana Menteri itu dengan diberikan peranan besar dalam pentadbiran negara.

Muhyiddin berkata, walaupun wujud situasi yang mahukan perubahan, tanggapan bahawa pemimpin zaman Mahathir kini dibawa balik ke dalam pentadbiran, tidak sepatutnya wujud dan beliau tidak tahu bagaimana

persepsi sedemikian timbul.

"Kami adalah pemimpin dulu dan kini, ia kesinambungan kepemimpinan daripada parti sama... Jadi tidak timbul soal itu. Barisan pemimpin yang bakal diketuai Najib sudah didedahkan dengan pelbagai situasi dan memiliki pengalaman luas," katanya.

Bagaimanapun Muhyiddin berkata, peranan Dr Mahathir tidak wajar diketepikan kerana pengalaman beliau amat luas ketika menjadi Perdana Menteri selain negarawan yang disegani serta ramai yang menghormati beliau.

"Bagaimanapun, setakat mana Dr Mahathir boleh

mempengaruhi pentadbiran, saya rasa perkara itu terpujang kepada Najib untuk menentukannya," katanya.

Muhyiddin yakin barisan pemimpin bakal diketuai oleh Najib mampu mentadbir dan mengukuhkan negara dan parti untuk berdepan dengan pelbagai cabaran.

"Saya sudah menyatakan sokongan penuh kepada beliau (Najib), tidak hanya menjurus kepada kesinambungan pucuk pimpinan, tetapi apa saja yang diperlukan untuk mengurus dan menangani masalah semasa, sama ada dari segi ekonomi, sosial dan politik," katanya.



“Hanya kerana kami dilihat bersama atau membuat majlis tertentu, tak bermakna ada perkembangan besar disebaliknya”

Muhyiddin Yassin
Naib Presiden Umno